



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**NILAI-NILAI MURNI DALAM FILEM "BUKIT KEPONG"  
DAN PENGGUNAAN FILEM DALAM PENGAJARAN**

**ROSNAINI HJ . MAHMUD**

**FPP 1998 69**

**NILAI-NILAI MURNI DALAM FILEM "BUKIT KEPONG"  
DAN PENGGUNAAN FILEM DALAM PENGAJARAN**

oleh

**ROSNAINI HJ. MAHMUD**

Projek kajian ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Mac 1998



## PENGHARGAAN

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG**

Syukur saya kehadiran Allah S.W.T. atas limpah kurniaNya, dapat saya siapkan tulisan ilmiah ini.

Sebagai tanda penghargaan, diucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Naim Hj. Ahmad, penyelia yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna dalam usaha saya untuk menyiapkan tulisan ilmiah ini. Begitu juga buat Dato' Jins Shamsudin yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dengan menyumbangkan berbagai maklumat serta bahan yang tidak ternilai bagi menghasilkan kajian ini.

Terima kasih juga, kepada En. Mohd. Arif Hj. Ismail, Pensyarah Kanan, Jabatan Pendidikan, Maktab Perguruan Islam, Bangi dan Encik Mohd. Zaki B. Mohd. Yusuf, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, atas kesudian meluangkan masa untuk menyemak kerta soal selidik yang disediakan dari segi validiti kandungan.

Tidak ketinggalan juga kepada Pengetua, Maktab Perguruan Islam atas kerjasama mengizinkan kajian ini dijalankan. Sekalung budi kepada semua pelajar Kursus Diploma Perguruan Khas sesi 1997/1998 yang telah sudi menjadi responden bagi kajian ini.



Begitu juga, buat ayahanda dan bonda tersayang Haji Mahmud Omar & Hajjah Feah Long serta seisi keluarga yang dikasihi.

Salam sayang buat suami tercinta - Mohd. Arif Hj. Ismail, yang menjadi sumber inspirasi. Serta anak-anak: Mohd. Izzat Amsyar, Rabiatul Nurulain, Mohd. Irsyad Asyraf dan Mohd. Amar Syazwan yang memahami akan peranan bonda dalam menyiapkan pengajian di universiti. Semoga kejayaan ini akan menjadi dorongan buat kalian, agar apabila dewasa kelak akan menjadi insan yang berilmu dan beriman. InsyaAllah.

Wassallam.

ROSNAINI HJ. MAHMUD  
NO. 16, JALAN BUKIT MEWAH 17,  
TAMAN BUKIT MEWAH,  
43000 KAJANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tarikh: 1 Mac 1998.

## KANDUNGAN

Halaman

PENGHARGAAN .....	ii
KANDUNGAN .....	iv
SENARAI JADUAL .....	x
SENARAI GRAF & RAJAH.....	xii
ABSTRAK .....	xiii
ABSTRACT .....	xv

### BAB

#### I

#### PENGENALAN

PENDAHULUAN .....	1
LATARBELAKANG KAJIAN .....	3
PERNYATAAN MASALAH .....	5
OBJEKTIF KAJIAN .....	7
PERSOALAN KAJIAN .....	8
SIGNIFIKAN KAJIAN .....	9
DEFINISI OPERASIONAL .....	10
Filem Pendidikan .....	10
Nilai-nilai Murni .....	11
Media Pengajaran .....	12
Filem "Bukit Kepong" .....	13
Analisis Filem .....	13
Isi Naratif .....	14



II	TINJAUAN BAHAN-BAHAN BACAAN	
	Pengenalan .....	15
	Filem dalam Pendidikan .....	15
	Penggunaan filem dalam Pendidikan di Malaysia .....	18
	Kebaikan filem dalam Pendidikan .....	23
	Analisis dan Penilaian Filem Pendidikan .....	26
	Kaedah Kajian Filem .....	28
	Ciri-ciri Filem/Video Pendidikan Yang Baik .....	28
	Strategi Penggunaan Filem dalam Pendidikan .....	31
	Sebelum Pengajaran .....	32
	Semasa Pengajaran .....	32
	Selepas Pengajaran .....	33
	Kajian-kajian tentang filem dalam Pendidikan .....	33
	Filem-filem Melayu .....	38
	Kesimpulan .....	40
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan .....	42
	Rekabentuk Kajian .....	42
	Instrumen Kajian .....	43
	Soalselidik .....	43
	Senarai Semak .....	47
	Borang Penilaian Filem .....	47

Video Filem "Bukit Kepong" ....	50
Temubual Elit .....	51
BATASAN KAJIAN .....	51
TEMPAT KAJIAN .....	52
SUBJEK KAJIAN .....	52
Sampel Kajian .....	53
PENGUMPULAN DATA .....	53
Peringkat Pertama: .....	54
Analisis Kandungan Filem "Bukit Kepong"	
Peringkat Kedua: .....	54
Temubual Elit	
Peringkat Ketiga: .....	55
Soalselidik	
Peringkat Keempat: .....	55
Senarai Semak	
Peringkat Kelima: .....	56
Borang Penilaian Filem	
PENGANALISISAN DATA .....	56
IV	
DAPATAN KAJIAN	
Pengenalan .....	57
LATARBELAKANG PENERBITAN FILEM "BUKIT KEPONG" .....	58
Profil Filem "Bukit Kepong" ...	58
Latarbelakang Penerbitan .....	64
Filem "Bukit Kepong"	
TAHAP PENGGUNAAN .....	70
FILEM DALAM PENDIDIKAN	
Bahagian A: Maklumat Latar ....	70
Belakang Subjek	



Bahagian B: Soalselidik .....	77
Tentang Penggunaan Filem dalam Pengajaran	
Aspek Pengetahuan .....	69
Tentang Filem Dalam Pendidikan	
Aspek Penggunaan .....	69
Filem Dalam Pendidikan	
Aspek Objektif .....	70
Pengajaran-Pembelajaran	
Aspek Kesedaran Tentang .....	70
Kelebihan Filem Dalam Pendidikan	
Kesimpulan .....	71
ANALISIS ISI NARATIF FILEM .....	90
"BUKIT KEPONG"	
NILAI-NILAI MURNI DALAM .....	99
FILEM "BUKIT KEPONG"	
Perbandingan Nilai-nilai .....	101
Murni daripada Analisis Filem "Bukit Kepong" dengan Tinjauan daripada Subjek Kajian	
NILAI FILEM "BUKIT KEPONG" .....	102
SEBAGAI SEBUAH FILEM PENDIDIKAN	
PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
Pengenalan .....	106
Latarbelakang Kajian .....	106
Dan Pernyataan Masalah	
Objektif Dan Persoalan .....	108
Kajian	
Prosedur Kajian .....	109





PERBINCANGAN .....	110
Latarbelakang Penerbitan Filem "Bukit Kepong".....	110
Tahap Penggunaan Filem .....	110
Dalam Pengajaran	
Analisis Isi Naratif Filem ....	113
"Bukit Kepong"	
Nilai-nilai Murni Dalam .....	114
Filem "Bukit Kepong"	
Filem "Bukit Kepong" .....	115
Sebagai Sebuah Filem Pendidikan	
Cadangan Satu Persediaan .....	117
Mengajar Menggunakan Filem "Bukit Kepong"	
PANDANGAN-PANDANGAN .....	121
SARANAN-SARANAN .....	122
Pendidik .....	122
Pentadbir Sekolah .....	122
Penggubal Kurikulum .....	123
Kementerian Pendidikan .....	124
Malaysia	
Penerbit dan Pengeluar .....	124
Filem	
Media Massa .....	125
IMPLIKASI KAJIAN .....	125
Implikasi Teoritikal .....	126
Aplikasi Praktikal .....	129
CADANGAN KAJIAN LANJUTAN .....	130
BIBLIOGRAFI .....	132



LAMPIRAN A : Soalselidik

LAMPIRAN B : Senarai Semak

LAMPIRAN C : Borang Penilaian Filem

LAMPIRAN D : Gambar-gambar Sedutan Filem "Bukit Kepong"

LAMPIRAN E : Lantikan Penyelia & Surat Kebenaran  
Menjalankan Penyelidikan

VITAE

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.	Item-item Soalselidik Tahap Penggunaan Filem dalam Pengajaran .....	45
2.	Ciri-ciri Untuk Menilai Filem "Bukit Kepong" Sebagai Sebuah Filem Pendidikan .....	48
3.	Jantina Subjek Kajian .....	70
4.	Umur Subjek Kajian .....	71
5.	Kelulusan Akademik Subjek .....	72
6.	Kelulusan Ikhtisas .....	72
7.	Pengalaman Mengajar Subjek Kajian ..	73
8.	Mata pelajaran yang diajar di sekolah .....	74
9.	Sekolah Tempat Mengajar .....	75
10.	Negeri Tempat Mengajar .....	76
11.	Pengetahuan Tentang Filem dalam Pengajaran .....	77
12.	Filem dalam Pengajaran Membantu Proses Pengajaran - Pembelajaran .....	78
13.	Filem dalam Pengajaran boleh Mencapai Objektif Pengajaran Guru .....	79



14.	Penggunaan Filem dalam Pengajaran ..	79
15.	Kekerapan Penggunaan Filem dalam Pengajaran .....	80
16.	Kebaikan Filem Sebagai Media Pengajaran .....	81
17.	Jenis-jenis Filem untuk Pengajaran ..	82
18.	Interaksi dan Perbincangan Melalui Filem dalam Pengajaran .....	83
19.	Kesesuaian Filem dalam Pengajaran ...	83
20.	Kaedah Penggunaan Filem .....	84
21.	Filem dalam Pengajaran Melahirkan Pemikiran Kritis dan Kreatif .....	85
22.	Penyediaan Bahan dan Sumber oleh Pihak Sekolah .....	85
23.	Tahap Penggunaan Filem dalam Pengajaran .....	89
24.	Analisis Isi Naratif Filem "Bukit Kepong" .....	97
25.	Kekerapan Nilai-nilai Murni Berdasarkan Analisis Isi Naratif Filem "Bukit Kepong" .....	99
26.	Nilai-nilai Murni Dalam Filem "Bukit Kepong" .....	100
27.	Nilai Filem "Bukit Kepong" Sebagai Sebuah Filem Pendidikan .....	103



## SENARAI GRAF & RAJAH

Halaman

1. Graf 1  
Profil Filem "Bukit Kepong"  
Sebagai Sebuah Filem Pendidikan ..... 104
  
2. Rajah 1  
Kon Pengalaman Dale ..... 126



Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains

NILAI-NILAI MURNI DALAM FILEM "BUKIT KEPONG" DAN  
PENGUNAAN FILEM DALAM PENGAJARAN

Oleh

ROSNAINI BT. HJ. MAHMUD

Mac 1998

Penyelia : Naim Bin Hj. Ahmad, Ed. D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan.

Kajian ini bertujuan mengenalpasti nilai-nilai murni yang terdapat di dalam filem "Bukit Kepong".

Kajian ini menggunakan tinjauan, kaedah kajian analisis filem dan temubual elit. Berdasarkan kepada persampelan kelompok, seramai 80 orang guru terlatih Pendidikan Islam yang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Khas di Maktab Perguruan Islam, Bangi telah dipilih sebagai subjek kajian.



Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan filem dalam pendidikan adalah agak tinggi. Kesemua 17 nilai murni yang terdapat dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ada terdapat dalam filem "Bukit Kepong". Nilai murni yang paling menonjol ialah Semangat Kewarganegaraan. Dapatan juga menunjukkan bahawa filem "Bukit Kepong" sesuai digunakan sebagai sebuah filem pendidikan.

Cadangan juga dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu agar menggunakan filem pendidikan secara berkesan di bilik darjah.



Abstract of project presented to the Faculty of  
Educational Studies, University Putra Malaysia in partial  
fulfillment of the requirements for the Degree of  
Master of Science

NOBLE VALUES IN THE "BUKIT KEPONG" FILM  
AND THE USE OF FILMS IN TEACHING

by

ROSNAINI BT. HJ. MAHMUD

March 1998

Supervisor : Naim Hj. Ahmad, Ed. D.

Faculty : Educational Studies

The aim of this research is to identify the noble values  
in the "Bukit Kepong" film.

This study employed the survey and analysis of film  
methods and elite interview. Based on cluster sampling, 80  
trained teachers who were attending a one-year Diploma in  
Education course at the Islamic Teachers College, Bangi, were  
selected as respondents.





The results showed that the usage level of film in teaching was rather high. All 17 noble values in KBSR and KBSM can be found in this film. The most prominent value was Citizenship. Findings also showed that "Bukit Kepong" film can be used as an educational film.

Recommendations are also forwarded on how to use educational films in the classroom.



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **PENDAHULUAN**

Manusia adalah makhluk yang terunggul. Ia mempunyai kemampuan untuk mengalami proses pendidikan sepanjang hayatnya. Melalui proses pendidikan, akal kepintaran yang dimiliki manusia membolehkannya berkembang dan maju dalam hidupnya (Taneja, 1976).

Pendidikan ditafsirkan oleh Plato (427 M) sebagai satu proses mengenalpasti serta mengembangkan potensi semulajadi seseorang individu agar menjadi warganegara yang berguna dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Daripada perspektif yang luas, pendidikan bermaksud proses perubahan dan pemindahan segala aspek kehidupan yang merangkumi budaya, sosial, ekonomi dan politik (Mohamed Nor, 1990). Jelaslah bahawa pendidikan, sama ada secara formal ataupun tidak formal, adalah satu proses di mana setiap individu dididik dan dipupuk dengan nilai-nilai yang dipersetujui bersama oleh masyarakat dan negara (Robiah Sidin, 1994).

Sekolah merupakan institusi formal yang dipertanggungjawabkan oleh masyarakat untuk mendidik dan melahirkan pelajar-pelajar kamil yang mempunyai jatidiri, berakhlak mulia, berwawasan, berdaya maju dan berdaya juang (Wan Zahid, 1993). Di sekolah, pelajar-pelajar diasuh dan dibimbing oleh para pendidik untuk membina dan mengembangkan potensinya secara maksimum agar mereka dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Dalam usaha memberi pendidikan yang berkualiti, para pendidik mempunyai satu rangkaian pendekatan, kaedah, teknik dan media yang boleh digunakannya untuk menjadikan pengajaran-pembelajaran di bilik darjah berkesan, menarik, dan menyeronokkan (Larsen-Freeman, 1986; Ornstein, 1995). Antara media pengajaran yang sering digunakan di bilik darjah dewasa ini ialah papan tulis, carta, gambarajah, pita rakaman audio, radio dan juga televisyen. Walaupun ramai pendidik yang menyedari bahawa filem adalah salah satu media pengajaran, namun tidak ramai yang mahu menggunakannya di bilik darjah (English dan Steffy, 1995). Sebenarnya, filem boleh digunakan bukan sahaja sebagai media hiburan tetapi untuk mendidik penonton dengan nilai-nilai sejagat (Elliot, 1948; Naim Hj. Ahmad, 1995a).

Sebagaimana media pengajaran yang lain, filem berupaya untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (Kirschenbaum, 1995). Banyak kajian mengenai kepentingan dan

kegunaan filem dalam pendidikan telah dijalankan di Barat. Hasil daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa sumbangan filem dalam pendidikan adalah banyak dan keberkesanan filem dalam pendidikan tidak harus dipertikaikan (Hoban, 1947; Hoban dan van Ormer, 1950; Saettler, 1968).

Kini, terdapat banyak filem yang telah divideokan. Dengan itu, adalah lebih mudah bagi para pendidik untuk menggunakan filem dalam pendidikan. Filem boleh digunakan untuk merangsang deria dan minda pelajar kerana melaluinya berbagai-bagai pengalaman dan realiti kehidupan luar boleh dibawa masuk ke dalam bilik darjah (Dale, 1957).

#### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Filem adalah satu media pengajaran yang cukup berkesan. Gabungan yang mantap antara audio, visual, pergerakan, warna dan kesan tiga dimensi membuatkan filem begitu menarik untuk ditonton. Ini menjadikan filem sebagai alat pendidikan yang mempunyai banyak kebaikan serta kuat pengaruhnya (Hoban, Hoban dan Zisman, 1937).

Kebaikan filem yang paling utama ialah ia dapat menimbulkan dan mengekalkan minat dan motivasi pelajar (Dale, 1957). Selain itu, unsur-unsur dramatik dan kreativiti yang terdapat dalam filem berupaya meningkatkan keberkesanan

proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Heinich et al., 1993). Sebagai satu media komunikasi, filem dapat menyampaikan secara konkrit dan terperinci mesej-mesej pendidikan seperti pembelajaran isi kandungan kurikulum serta pembentukan sikap dan tingkah laku pelajar. Di samping itu, filem turut digunakan untuk menonjolkan realiti hidup dan kehidupan, membentuk sahsiah serta membangkitkan emosi dan perasaan (Naim Hj. Ahmad, 1995a).

Filem juga adalah satu media hiburan. Dengan itu, ia dikaitkan dengan industri hiburan yang penuh dengan kepura-puraan, kerosakan dan kemusnahan nilai-nilai kemanusiaan (Kirschenbaum, 1995). Di negara ini, filem kerap kali dikonotasikan dengan dunia hiburan semata-mata. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika masyarakat umum, termasuklah golongan pendidik, yang sangsi dan enggan menerima filem untuk tujuan pendidikan.

Banyak kajian telah dijalankan mengenai sumbangan filem dalam pendidikan (Hoban dan van Ormer, 1950; Gagne, 1987). Malangnya, kajian-kajian tersebut banyak dilakukan di Barat. Tidak banyak kajian tentang sumbangan filem dalam pendidikan dijalankan di negara ini. Kajian filem berdasarkan filem "Nomads of the Jungle" oleh Naim Hj. Ahmad (1987) boleh dianggap sebagai perintis kepada kajian filem dalam pendidikan di negara ini.

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat filem bukan sekadar sebagai alat hiburan tetapi sebagai satu alat yang boleh digunakan untuk tujuan pendidikan. Filem yang digunakan dalam kajian ini ialah filem "Bukit Kepong".

#### **PERNYATAAN MASALAH**

Masih terdapat ramai pendidik yang tidak menggunakan filem sebagai satu media yang boleh membantu pengajaran di dalam bilik darjah (Wendt, 1947; Saettler, 1986). Dinginnya sambutan mereka ini dapat dilihat melalui pernyataan di bawah ini:

**Filem sebagai cerminan dan dokumentasi hidup dan kehidupan masyarakat yang telah digarap dan dipaparkan oleh karyawannya melalui daya seninya telah tidak mendapat tempat yang sewajarnya di arena pendidikan negara. Ia sekali-sekali hangat diperkatakan di media massa, tetapi tidak terus membara diperkatakan di sekolah-sekolah atau di pusat-pusat pengajian tinggi.**

(Naim Hj. Ahmad, 1997: 1)

Ini adalah kerana filem sering dianggap sebagai satu media hiburan yang dikonotasikan dengan unsur-unsur negatif yang bercanggahan dengan norma-norma dan nilai-nilai sesuatu masyarakat seperti keganasan, keruntuhan akhlak, keseronokan duniawi dan nilai kebendaan (Kirschenbaum, 1995).

Sebenarnya, bukan semua filem yang dihasilkan memperlihatkan unsur-unsur negatif. Terdapat juga filem-filem yang menyampaikan mesej-mesej positif dan nilai-nilai murni seperti penghargaan dan penghormatan diri, kebebasan, semangat juang dan patriotisma. Filem-filem sebeginilah yang boleh dieksploitasikan untuk tujuan proses pengajaran-pembelajaran.

Para pendidik boleh menggunakan filem dalam pengajaran terutamanya dalam menyampaikan nilai-nilai murni yang sememangnya ada dalam filem-filem tertentu yang memaparkan gambaran kehidupan sesebuah masyarakat. Ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani dan rohani. Objektif pengajaran-pembelajaran yang diinginkan boleh dicapai melalui penggunaan filem dalam pengajaran.

Walaupun bagaimanapun, sebahagian besar pendidik di negara ini masih tidak mengeksploitasikan filem sebaik mungkin demi untuk mempertingkatkan dan memperkaya proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Terdapat 17 nilai-nilai murni dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kebanyakan nilai-nilai murni tersebut dapat diterap kepada pelajar-pelajar melalui penggunaan filem dalam pengajaran.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam kajian ini filem "Bukit Kepong" (1980) digunakan sebagai bahan kajian. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana kepentingan dan sumbangan filem dalam pengajaran. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau dan menilai potensi filem "Bukit Kepong" sebagai sebuah filem pendidikan. Secara khusus, kajian ini adalah bertujuan untuk:

- a) Meninjau latar belakang penerbitan filem "Bukit Kepong".
- b) Meninjau tahap penggunaan filem dalam pengajaran.
- c) Membuat satu analisis isi naratif filem "Bukit Kepong".
- d) Mengenalpasti nilai-nilai murni dalam filem "Bukit Kepong".
- e) Menilai filem "Bukit Kepong" sebagai sebuah filem pendidikan.
- f) Mencadangkan satu persediaan mengajar menggunakan filem "Bukit Kepong".



## PERSOALAN KAJIAN

Selaras dengan objektif kajian yang telah dinyatakan, maka persoalan kajian yang ingin dikemukakan adalah seperti berikut:

- a) Apakah tujuan filem "Bukit Kepong" diterbitkan?
- b) Sejauh manakah tahap penggunaan filem dalam pendidikan di negara ini?
- c) Apakah isi kandungan filem "Bukit Kepong" khususnya isi naratifnya?
- d) Apakah nilai-nilai murni yang dapat dipaparkan kepada pelajar melalui filem "Bukit Kepong"?
- e) Sejauh manakah filem "Bukit Kepong" berjaya memenuhi kriteria sebagai sebuah filem pendidikan?
- f) Bagaimanakah caranya untuk meningkatkan keberkesanan menggunakan filem untuk pengajaran dan penerapan nilai-nilai murni di bilik darjah?